

24 MAR 2003

Mahathir-Iraq (Rakyat)

DR MAHATHIR MINTA NGO DESAK AMERIKA DAN SEKUTU HENTIKAN PERANG

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta badan-badan bukan kerajaan (NGOs) di Malaysia supaya menghubungi rakan-rakan NGOs di Amerika Syarikat dan Britain untuk cuba mempengaruhi kerajaan mereka menghentikan serangan ke atas Iraq.

Perdana Menteri berkata hanya rakyat Amerika dan Britain yang boleh menghentikan kerajaan mereka daripada menyerang Iraq dan kembali ke pangkuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Jika kerajaan-kerajaan (sekarang) yang menolak PBB, disingkirkan oleh rakyat mereka sendiri, maka mungkin kerajaan-kerajaan baru mereka akan kembali ke pangkuan PBB," katanya semasa membentangkan usul berhubung isu serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar pendirian Malaysia yang mengecam keras tindakan unilateral kerajaan Amerika dan sekutunya ke atas Iraq tidak disenangi oleh negara berkenaan.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia tidak bermusuhan dan benci orang Amerika, malahan negara ini juga tidak mahu bermusuhan dengan Amerika atau Britain atau sesiapa.

"Tetapi kita tidak boleh menutup mata kepada ketidakadilan dan penindasan. Apa yang dilakukan terhadap Iraq amatlah tidak adil dan menambah penindasan ke atas rakyat Iraq yang selama 12 tahun telah disekat daripada bekalan makanan dan ubat-ubatan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan Iraq didakwa zalim dan diktator, tindakan melalui sekatan ekonomi sejak Perang Teluk pada tahun 1991 yang diambil terhadap rakyat Iraq adalah jauh lebih zalim.

Katanya membunuh rakyat sesebuah negara supaya demokrasi diterima sebenarnya bercanggah dengan prinsip demokrasi dan tidak bermoral.

Perdana Menteri berkata Malaysia, sebagai sebuah negara demokratik, mengakui rakyatnya mempunyai pelbagai pandangan dan pendirian dalam pelbagai isu dan pegangan politiknya sendiri.

"Tetapi dalam isu pencabulan undang-undang antarabangsa dan serangan unilateral ke atas Iraq, saya harap kita rakyat Malaysia dan parti politik dapat mengadakan pendirian yang sama," katanya.

"Tetapi kita tidak boleh menutup mata kepada ketidakadilan dan penindasan. Apa yang dilakukan terhadap Iraq amatlah tidak adil dan menambah penindasan ke atas rakyat Iraq yang selama 12 tahun telah disekat daripada bekalan makanan dan ubat-ubatan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan Iraq didakwa zalim dan diktator, tindakan melalui sekatan ekonomi sejak Perang Teluk pada tahun 1991 yang diambil terhadap rakyat Iraq adalah jauh lebih zalim.

Katanya membunuh rakyat sesebuah negara supaya demokrasi diterima sebenarnya bercanggah dengan prinsip demokrasi dan tidak bermoral.

Perdana Menteri berkata Malaysia, sebagai sebuah negara demokratik, mengakui rakyatnya mempunyai pelbagai pandangan dan pendirian dalam pelbagai isu dan pegangan politiknya sendiri.

"Tetapi dalam isu pencabulan undang-undang antarabangsa dan serangan unilateral ke atas Iraq, saya harap kita rakyat Malaysia dan parti politik dapat mengadakan pendirian yang sama," katanya.

Beliau berkata sebarang perselisihan antara rakyat berhubung isu itu hanya akan membawa masalah dan melemahkan negara.

"Kita harus sedar kini giliran Iraq. Tidak ada negara yang akan selamat selepas ini. Mempertahankan Malaysia adalah tanggungjawab semua rakyat

Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun segala usaha telah diambil bagi menyelamatkan umat manusia daripada bala bencana peperangan ini, umat Islam dan penganut agama lain boleh berdoa dan memohon perlindungan Tuhan mengikut cara masing-masing.

Katanya kerajaan menyarankan semua masjid di seluruh negara mengadakan sembahayang hajat dan berdoa supaya peperangan itu dihentikan segera.

"Insyaallah, berkat usaha dan doa daripada kita semua, mudah-mudahan tidak ramai daripada rakyat Iraq yang dibunuh dan dcederakan, dan Amerika dan Britain akan menghentikan serangan ganas mereka ke atas Iraq dengan segera," katanya.

-- BERNAMA

HS HS RON